





**BERSIH INDAH DAN  
SELAMAT DI DIAMI**



# LAPORAN TAHUNAN 2023

**LEMBAGA BANDARAN KUDAT**






Assalamualaikum dan salam sejahtera saya selaku Pegawai Eksekutif Lembaga Bandaran Kudat ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kakitangan Lembaga Bandaran Kudat khususnya AJK Laporan Tahunan Jabatan ini kerana sekali lagi Lembaga Bandaran Kudat di bawah AJK ini telah berjaya di dalam menghasilkan lagi sebuah laporan tahunan. Di mana laporan ini, merupakan salah satu usaha dan saluran yang Lembaga Bandaran Kudat sendiri hasilkan agar dapat di kongsi bersama kakitangan Lembaga Bandaran Kudat Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha menerbitkan laporan ini. Saya juga amat berharap agar semua pihak dan ahli masyarakat sentiasa memberi pandangan, idea serta komen – komen yang bernas dalam membantu menambahbaikkan sistem perkhidmatan Lembaga Bandaran Kudat pada masa akan datang terutamanya di semua bidang. Sekian dan terima kasih.



## A. MAKLUMAT DAERAH KUDAT

### 1. SEJARAH DAERAH KUDAT

- Terletak di Utara Negeri Sabah.
- Ibu Negeri pertama Sabah (1881-1884)
- Awal kewujudan dikenali sebagai Tanjung Berungus atau Tamburungan
- Tetapi menurut lagendanya Kudat berasal daripada rumput lalang yang dipadankan daripada bahasa suku kaum Rungus yang bermakna 'KUTAD' dan apabila pedagang Cina sampai ianya menjadi 'KUDAT'



## 2. KEDUDUKAN GEOGRAFI

- Bentuk muka bumi yang berbukit bukau
- Cuaca yang tidak menentu
- Musim kemarau lebih Panjang
- Purata hujan 184mm

## 3.PENDUDUK

Banci penduduk tahun 2010 menunjukkan seramai 85,404 orang yang terdiri daripada :-

- |                    |          |
|--------------------|----------|
| a)Suku kaum Rungus | - 53.84% |
| b)Melayu           | - 32.59% |
| c)Cina             | - 13.40% |
| d)Lain-lain        | - 0.17%  |



## 4.KEGIATAN EKONOMI


- Pertanian
- Perikanan
- Ternakan
- Pelancongan

## 5 . PUSAT PENTADBIRAN

- Mempunyai 3 pusat pentadbiran iaitu :-
  - a.Pekan Kudat
  - b.Pekan Matunggong
  - c.Pekan Karakit, Banggi

## 6. KELUASAN


Mempunyai keluasan 1,287.2KM, meliputi Semenanjung Kudat, Pulau Banggi, Pulau Barambangan, Pulau Malawali, Matunggong dan beberapa gugusan Pulau Kecil sekitarnya.





# B. LEMBAGA BANDARAN KUDAT

## SEJARAH PENUBUHAN


- Ditubuhkan pada tahun 1962 yang dikenali sebagai Kudat District Council (KDC) - kawasannya meliputi Kudat, Sikuati, Banggi, Matunggong, Kota Marudu, Pitas dan Tandek.
- Pada tahun 1983 dinaikkan taraf ke Lembaga Bandaran Kudat (LBK) dan berpisah dengan Kota Marudu, Pitas dan Tandek.



# KAWASAN KUDAT TERBAHAGI KEPADA 4 BAHAGIAN



**Bahagian Bandar (Percukaian)** 2,667 Ekar  
**Bahagian Luar Bandar** 21,887 Ekar  
**Bahagian Desa** 293,531 Ekar  
**Bahagian Laut** 172,800 Ekar



LEMBAGA BANDARAN KUDAT



## MISI

MENJADIKAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT SEBUAH KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG INDAH, BERSIH, SESUAI DIDIAMI DAN MENJADIKAN DESTINASI PERLANCONGAN REKREASI SERTA LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS MASYARAKAT, DI SAMPING ITU MENJADIKAN LEMBAGA BANDARAN KE ARAH MENCAPAI MAJLIS PERBANDARAN MENJELANG TAHUN 2027

LEMBAGA BANDARAN KUDAT




## VISI

KE ARAH BANDAR YANG TERANCANG, SEJAHTERA DAN BERBUDAYA




## C. PERANAN DAN TANGUNGJAWAB LBK



- Menjaga kebersihan persekitaran bandar
- Mewujudkan infrastruktur perniagaan seperti pasar, gerai dan lain-lain sebagai langkah menjana ekonomi rakyat
- Merancang pembangunan dalam kawasan percukaian Kudat
- Menkuatkuasakan undang-undang dan peraturan yang sedia ada
- Menyediakan kemudahan sosial seperti pusat sukan, tempat rekreasi untuk dinikmati oleh rakyat.

## D. STRUKTUR ORGANISASI LBK



Pesuruhjaya merupakan pengerusi bagi Lembaga Bandaran Kudat merangkap Pegawai Daerah Kudat dan dianggotai oleh 20 orang Ahli yang dilantik.

Pentadbiran dan Pengurusan LBK mempunyai 5 bahagian yang diketuai oleh Pegawai Eksekutif :

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Kewangan
3. Bahagian kesihatan dan perkhidmatan Bandar
4. Bahagian Pembangunan
5. Bahagian Penguatkuasa

LBK Mempunyai 143 orang kakitangan :-

- 30 kakitangan (Gred 19 - 44 )
- 76 Pembantu Awam ( Gred H11)
- 7 Pemandu (Gred H11)
- 30 Orang Pekerja Sambilan Harian(H11)



# D.1. SENARAI ORDINAN YANG DIGUNAPAKAI OLEH LBK

- Ordinan Hiburan Awam 1958 Pindahan 2003
- Ordinan Kerajaan Tempatan 1961
- Kudat Town Board Instrument 1982 (G.N.s 13/1983)
- Kudat Town Board (Tamu) By-Laws 1965 (G.N.L 61/1965)
- Kudat Town Board (Advertisements) By-Laws 1965 (G.N.L 19/1965)
- Kudat Town Board (Dealing In Scrap) By-Laws 1965 (G.N.L 20/1965)
- Kudat Town Board (Food And Eating Premises ) By-Laws 1965 (G.N.L 21/1965)
- Kudat Town Board (Hairdressers) By-Laws 1965 (G.N.L 22/1965)
- Kudat Town Board (Hawkers) By-Laws 1965 (G.N.L 23/1965)
- Kudat Town Board (Hotel And Lodging Houses) By-Laws 1965 (G.N.L 24/1965)
- Kudat Town Board (Laundries) By-Laws 1965 (G.N.L 25/1965)
- Kudat Town Board (Markets) By-Laws 1965 (G.N.L 26/1965)
- Kudat Town Board (Streets And Public Places) By-Laws 1965 (G.N.L 27/1965)
- Kudat Town Board (Dairies And Dairymen) By-Laws 1965 (G.N.L 29/1965)
- Kudat Town Board (Offensive Trades) By-Laws 1965 (G.N.L 30/1965)
- Kudat Town Board (Slaughterhouses) By-Laws 1965 (G.N.L 32/1965)
- Kudat Town Board (Building) By-Laws 1965 (G.N.L 84/1965)
- Kudat Town Board (Liquors) By-Laws 1967 (G.N.L 11/1967)
- Kudat Town Board (Control Of Animal) By-Laws 1981 (G.N.L 33/1981)
- Kudat Town Board (Liquors) By-Laws 1965 (G.N.L 11/1967)
- Kudat Town Board (Planting) By-Laws 1982 (G.N.L 70/1982)
- Kudat Town Board (Conservancy and Hygiene) By-Laws 1984 (G.N.L 22/1984)
- Kudat Town Board (Anti-Litter) By-Laws 2010
- Kudat Town Board (Discount Of Rates) By-Laws 1988 (G.N.L 22/1988)
- Kudat Town Board (Interest On Unpaid Rates) By-Laws 1988 (G.N.L 23/1988)
- Kudat Town Board (Election Advertisement) By-Laws 1990 (G.N.L 5/1990)



## D.1. SENARAI JAWATANKUASA LBK

- Jawatankuasa Kewangan (Financial Committee)
- Jawatankuasa Perolehan (Procurement Committee)
- Jawatankuasa Kesihatan Awam
- Jawatankuasa Perancang Bandar Dan Pelan Bangunan
- Jawatankuasa Peredaran Lalulintas
- Jawatankuasa Perlesenan
- Jawatankuasa Pengindahan Dan Kebersihan Bandar
- Jawatankuasa Undang-undang
- Jawatankuasa Setinggan
- Jawatankuasa Penguatkuasa
- Jawatankuasa Pemandu
- Jawatankuasa Perlancongan
- Jawatankuasa Tribunal
- Jawatankuasa Bahagian



# E. BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Pengurusan pentadbiran
- Pelantikan, Pemberian Taraf Pekerja Berpencen
- Pengendalian Buku Rekod, Perkhidmatan SM2
- Pengesahan jawatan, Kenaikan pangkat, opsyen
- Melaksanakan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam dari semasa ke semasa

## BAHAGIAN PENTADBIRAN


PENTADBIRAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT



**JORIANA BINTI  
AGUN**  
PEGAWAI  
TADBIR GRED  
N41

- Pengurusan pentadbiran
- Pelantikan, Pemberian Taraf Pekerja Berpencen
- Pengendalian Buku Rekod, Perkhidmatan SM2
- Pengesahan jawatan, Kenaikan pangkat, opsyen
- Melaksanakan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam dari semasa ke semasa

## BAHAGIAN PENTADBIRAN



# F. BAHAGIAN KEWANGAN

- Pengurusan Kewangan
- Pungutan Hasil
- Perbelanjaan
- Merekod hasil dan perbelanjaan
- Penyediaan anggaran tahunan dan penyata kewangan
- Melaksanakan Arahan Perbendaharaan dan Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa

## BAHAGIAN KEWANGAN


KEWANGAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT



**FAZIDAH BINTI  
HJ ALIAS**  
PEN.AKAUNTAN  
W29/36

- Pengurusan Kewangan
- Pungutan Hasil
- Perbelanjaan
- Merekod hasil dan perbelanjaan
- Penyediaan anggaran tahunan dan penyata kewangan
- Melaksanakan Arahan Perbendaharaan dan Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa

### CARTA CADANGAN BAHAGIAN KEWANGAN



# F.1. BUTIRAN HASIL/PERBELANJAAN LBK

- Pengurusan Kewangan
- Pungutan Hasil
- Perbelanjaan
- Merekod hasil dan perbelanjaan
- Penyediaan anggaran tahunan dan penyata kewangan
- Melaksanakan Arahan Perbendaharaan dan Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa

| HASIL  | PERBELANJAAN   |
|--|--|
| CUKAI PINTU                                  | GAJI DAN EMOLUMEN  |
| CARUMAN KERAJAAN:<br>*NEGERI<br>*PERSEKUTUAN | BELANJA OPERASI SEPERTI:<br>*PENTADBIRAN PEJABAT<br>*PENYELENGGARAAN & KERJA-KERJA KECIL<br>*PENYELENGGARAAN KENDERAAN<br>*MINYAK KENDERAAN<br>*LAIN-LAIN PERBELANJAAN |
| LESEN  |  |
| SEWA DAN FAEDAH                              |  |
| SES TANAH                                    |  |
| BAYARAN DAN DENDA                            |  |

# F.2 . MAKLUMAT PERKADARAN

Cukai Pintu dikenakan pada kadar :-

- \* Bangunan - 21%
- \* Saluran Najis - 1 %
- \* Sikuati (Bangunan) - 18 %

• Jumlah bangunan yang bercukai :-

|                         |   |           |
|-------------------------|---|-----------|
| Gudang                  | - | 33 Unit   |
| Hotel                   | - | 3 Unit    |
| Kedai (Kudat)           | - | 391 Unit  |
| Kedai (Sikuati)         | - | 34 Unit   |
| Rumah Kawasan Perumahan | - | 2058 Unit |
| Rumah Persendirian      | - | 892 buah  |
| Bangunan Swasta         | - | 29 Unit   |

**Jumlah keseluruhan Bangunan = 3440 Unit**





## F.2 . MAKLUMAT PERKADARAN

Cukai Pintu dikenakan pada kadar :-

- \* **Bangunan** - 21%
- \* **Saluran Najis** - 1 %
- \* **Sikuati (Bangunan)** - 18 %

• Jumlah bangunan yang bercukai :-


- Gudang
- Hotel
- Kedai (Kudat)
- Kedai (Sikuati)
- Rumah Kawasan Perumahan
- Rumah Persendirian
- Bangunan Swasta

Jumlah keseluruhan Bangunan



- 33 Unit
- 3 Unit
- 391 Unit
- 34 Unit
- 2058 Unit
- 892 buah
- 29 Unit

**= 3440 Unit**




## F.3. SENARAI TAMAN PERUMAHAN DI KAWASAN PERKADARAN LBK



|   |          |                  |
|---|----------|------------------|
| 1. Taman Seri Kapor, Fasa I, II, III    | =        | 102 Unit         |
| 2. Taman Pakka Baru, Fasa I & II        | =        | 86 Unit          |
| 3. Taman Tanjung Kapor, Fasa I,II & III | =        | 82 Unit          |
| 4. Taman Kudat                          | =        | 23 Unit          |
| 5. Taman Golden Hill                    | =        | 55 Unit          |
| 6. Taman Sentosa                        | =        | 10 Unit          |
| 7. Taman Ehsan, Fasa I & II             | =        | 135 Unit         |
| 8. Landong Ayang, Fasa I & II           | =        | 302 Unit         |
| 9. Taman Orkid, Fasa I,II & III         | =        | 418 Unit         |
| 10. Taman Friendly Garden               | =        | 40 Unit          |
| 11. Taman Lavender                      | =        | 247 Unit         |
| 12. Taman Awana                         | =        | 180 Unit         |
| 13. Friendly Garden 2                   | =        | 102 Unit         |
| 14. Friendly Garden 3A                  | =        | 126 Unit         |
| 15. Friendly Garden 3B                  | =        | 150 Unit         |
| <b>JUMLAH</b>                           | <b>=</b> | <b>2058 Unit</b> |

## F.4. LESEN




Jenis Lesen yang dikeluarkan oleh LBK :

1. Lesen Gerai (Sayur, Ayam, Kuih-muih, Runcit, Daging dll)
2. Lesen Hotel
3. Lesen Lodging
4. Lesen Salon Rambut
5. Lesen Roti
6. Lesen Dobi
7. Lesen MTV
8. Lesen Karaoke
9. Lesen Salon Beliat
10. Lesen Merbahaya (Offensive Trade)
11. Lesen Kantin
12. Lesen 'Family Recreation'
13. Lesen Minuman Keras

## F.5. SENARAI HARTA ASET LBK

1. Dewan Tun Mustapha Kudat (1974)
2. Dataran Tomborongus Kudat (1984)
3. Gerai Tamu Tomborongus Kudat (1984)
4. Pasar Ikan Kudat (1995)
5. Pasar Kain Kudat (1975)
6. Pasar Besar Kudat (1987)
7. Pasar Malam (Bekas Tapak Panggung Star Kudat) (2005)
8. Pasar Terbuka Kudat (2006)
9. 14 buah Gerai Makan di Jalan Pasar Ikan Kudat (1988)
10. 5 Buah rumah kakitangan di Kg. Tg. Kapor Kudat ( LBK 028, 029, 031,032, 036 ) (1982)
11. 6 Buah rumah Buruh di Kg. Tg. Kapor Kudat (1988)
12. 5 Buah rumah buruh di Batu 5, Jln Atas Kudat ( LBK 041 (1),(2),(3),(4),(5) )(1994)
13. Dewan Serbaguna di Kg Air (2006)
14. Dewan Serbaguna di Kg. Tg Kapor (2006)
15. Tandas Awam di Kg. Air Kudat (1990)
16. Tandas Awam (Bekas Panggung Star Kudat) (1988)
17. Tandas Awam Pasar Besar Kudat. (1985)
18. Tandas Awam Pasar Ikan Kudat (1998)
19. Tandas Awam di Perhentian Bas Mini Kudat (2008)
20. Tandas Awam di Pantai Bak-Bak (2009)
21. 2 buah kedai di taman lajong (1989)
22. Kantin di pantai Bak-Bak (1988)
23. Dewan Serbaguna Pekan Sikuati (1990)
24. Gerai Tamu Pekan Sikuati (2005)
25. Pasar Besar Pekan Sikuati (1996)
26. Tandas Awam Pekan Sikuati (2008)
27. Dewan Serbaguna di Kg. Tajau (1989)
28. Dewan serbaguna di Kg. Rondonon (1999)
29. Dewan Serbaguna di Kg. Tambuluran (1999)
30. Dewan Serbaguna di Kg. Pinawantai (1995)
31. Tandas Awam di Pekan Baru Matunggong (2005)
32. Gerai Tamu di Pekan Baru Matunggong (1992)
33. Gerai Tamu di Pekan Lama (2007)
34. Tugu Peringatan Gerhana Matahari Pekan Tomborongus Kudat (1995)
35. Dewan serbaguna Karakit Banggi (1985)
36. Tandas Awam Tomborongus, Kudat (2008)
37. Pusat Sukan Kudat (2004)
38. Esplaned Sidek (2004)
39. 9 Buah kedai di Jln. Jayadiri, Angkasa Kudat (2005)
40. Tandas Awam Gerai Kraftangan, Kudat (2014)
41. Dewan Adat Matunggong (2016)
42. Sebuah kedai 2 Tingkat di Pekan Kudat (2018)
43. Pentas Terbuka Pekan Matunggong
44. Gerai Kraftangan Pekan Sikuati
45. Tandas Awam Terminal Feri
46. Bangunan Terminal Bas Kudat
47. Pentas Terbuka Esplaned Sidek
48. Jeti Pasar Ikan
49. Tandas Awam Esplaned Sidek
50. Tandas Awam Pantai Bahagia
51. Tandas Awam Kg. Pengaraban
52. Astaka Pekan Matunggong
53. Astaka Pekan Kudat
54. Bangunan Terminal Feri (2020)
55. Taman Awam ( Kudat Park )



# G. BAHAGIAN KEJURUTERAAN

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN :-

- Memproses pelan bangunan / pembangunan dan sijil menduduki mengikut piagam.
- Memproses tambahan / pindaan dan membaiki bangunan.
- Merancang dan mengawal pelaksanaan projek pembangunan dan infrastruktur.
- Menyelenggara harta Lembaga supaya berkeadaan baik.
- Tindakan penyelarasan antara jabatan teknikal / utiliti.

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN KEJURUTERAAN

KEJURUTERAAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT




**NURUL ASYIKIN  
BINTI SAUDIN**

JURUTERA JA41

- Pelaksanaan Projek
- Penyelenggaraan (Maintenance)
- Memproses Pelan Pembangunan dan Pelan Bangunan
- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Bangunan dan Ordinan Perancangan Bandar dan Wilayah dan lain-lain Peraturan yang di wujudkan dari semasa ke semasa

## BAHAGIAN KEJURUTERAAN



# H. BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR



## BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR

### KEBERSIHAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT




**JICKY BINTI  
JURAN**

PEN. PEGAWAI  
KESIHATAN DAN  
PERSEKITARAN  
BANDAR  
U29/U32



- Memastikan sampah sarap yang bertaburan di kawasan Perbandaran khususnya di kawasan Rumah-rumah Kedai, Pasar-pasar, dan tempat-tempat awam dibersihkan sepanjang masa.
- Memastikan parit-parit kecil dalam kawasan Bandar dibersihkan dari sampah sarap sepanjang masa.
- Memastikan dan mengekalkan keindahan kawasan Pantai Bak-Bak bersih termasuk kebersihan tandas dijaga sepanjang masa.

### CARTA BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR



# H.1. FUNGSI UTAMA BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN BANDAR

- Mengawal Kebersihan Bandar, tamu dan pasar
- Memungut dan membuang sampah
- Melaksanakan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961

# H.2. KAWASAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH

## A. Kawasan Percukaian :

- Kedai
- Taman Perumahan
- Industri Ringan
- Taman Awam

## B. Kawasan Luar Percukaian :

- Sekolah
- Pejabat Kerajaan
- Premis Perniagaan

# H.3. KOMPOSISI SAMPAH/SISA PEPEJAL

Pelbagai Jenis : Kertas, sisa makanan dan industri

Jumlah : 40 – 60 <sup>ringan</sup> tan  
sehari



## H.4. UNIT LANDSKAP DAN SENI TAMAN



### PEKERJA :

|                      |            |
|----------------------|------------|
| Penyelia             | - 1 orang  |
| Pemotongan Rumput    | - 10 orang |
| Seni Taman & Lanskap | - 3 orang  |
| Penyiraman Bunga     | - 2 orang  |
| Pemandu Traktor      | - 1 orang  |
| Pemandu              | - 1 Orang  |

### FLYING SQUAD

|          |           |
|----------|-----------|
| Pemanadu | - 1 orang |
| PRA      | - 2 orang |



# H.5. KAWASAN OPERASI

## Pemotongan Rumput :

- Pekan Kudat (Pekan lama & Pekan Tomborongus)
- Kawasan Perumahan
- Rumah-Rumah Kerajaan
- Tamu Pekan Lama & Baru Matunggong
- Tepi Jalanraya dalam kawasan Percukaian

## Pembersihan Longkang/Parit :

- Kawasan Perumahan & Jalanraya dalam kawasan Percukaian
- Spring Cleaning

## Landskap :

- Pekan Kudat (P.Lama & P.Tomborongus)
- Kawasan Perumahan /'Islands

# H.6. UNIT KEBERSIHAN

## **Kakitangan :-**

### **Menyapu**

- Penyelia - 1 orang
- Mandur - 2 orang (Unit Kebersihan dan Unit Parit)
- PRA - 33 orang ( termasuk 4 orang di Sikuati , 5 orang di P. Matunggong dan 1 orang P. Karakit)

### **Sisa Pepejal 28 Orang**

- 1 Penyelia
- 6 Pemandu Lori Pengangkut Sampah
- 4 Pemandu RORO
- 18 Krew

### **Jadual bertugas:-**

#### Isnin – Jumaat

7.00 Pagi - 11.00 Pagi

2.00 Petang - 5.00 Petang

#### Sabtu

7.00 Pagi - 11.00 Pagi


#### Ahad

6.00 Pagi – 11.00 Pagi




# H.7. KAWASAN OPERASI

- Kawasan Pekan (P.Lama & P.Tomborongus)
  - Kawasan Kedai
  - Kawasan Pasar Am, Pasar Kain dan Pasar Ikan
  - Kawasan Medan Penjaja, Pasar Malam
- Kawasan Pantai Bak-Bak
- Kawasan Pekan Sikuati, Pekan Baru Matunggong dan Pekan Karakit



# KAWASAN SELIAAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT

## PEKAN KARAKIT , PULAU BANGGI




# KAWASAN SELIAAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT

## PEKAN SIKUATI



# KAWASAN SELIAAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT

## DAERAH KECIL MATUNGGONG



# I. BAHAGIAN PENGUATKUASA



## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

### PENGUATKUASAAN LEMBAGA BANDARAN KUDAT




**MARIANI BINTI DATUK  
MASRANI**

*PEN.PEG PENGUATKUASA  
KP29/KP32*



Menguatkuasakan undang-undang kecil anti sampah sarap, penjaja, pasar, kawalan binatang, konssevenssi dan hygiene , Iklan, hotel, lorong dan tempat awam, perdagangan ofensif, dasar pembentungan rumah-rumah setinggan dan lain-lain yang berkaitan yang di wujudkan dari semasa ke semasa.

### CARTA JAWATAN BAHAGIAN PENGUATKUASA




# MAKLUMAT SETINGGAN YANG TEPAT DAN TELAH DIKEMASKINI SETIAP TIGA (3) BULAN BAGI JAN-MAC 2021

| BIL | KAWASAN KOLONI SETINGGAN                             | BILANGAN RUMAH | BILANGAN KELUARGA | BILANGAN ORANG (PENDUDUK) | JUMLAH        |
|-----|--|----------------|-------------------|---------------------------|---------------|
| 1   | Kg. Tanjung Kapor Hujung<br>Kg. Tanjung Kapor Tengah | 510<br>328     | 345<br>348        | 2418<br>2113              | 6062          |
| 2   | Kg Pantai Muhibbah + Kg.<br>Muhibbah                 | 200            | 258               | 2986                      | 3444          |
| 3   | Kg. Sri Aman + Kg. Pantai<br>Bahagia                 | 345            | 377               | 1500                      | 2222          |
| 4   | Kg. Pengaraban                                       | 360            | 426               | 1311                      | 2097          |
| 5   | Kg. Landung Ayang                                    | 511            | 828               | 3284                      | 4623          |
| 6   | Kg. Bukit Kelapa/Kolam                               | 31             | 33                | 124                       | 188           |
|     | <b>JUMLAH</b>  | <b>2,285</b>   | <b>2,615</b>      | <b>13,736</b>             | <b>18,636</b> |




# KAWASAN SETINGGAN




**KG.TG.KAPOR KUDAT**





# PENCAPAIAN LBK






**BERSIH INDAH DAN  
SELAMAT DI DIAMI**

# **AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2022 HINGGA 2023**

**LEMBAGA BANDARAN KUDAT**



# 1. KURSUS KEBENARAN MERANCANG DI PERINGKAT PBT

Pihak LBK merupakan salah satu Jabatan yang merancang plan pembangunan yang selesa di Daerah Kudat, maka oleh itu, satu kursus telah dijalankan oleh LBK di mana kursus ini telah dihadiri oleh kakitangan LBK sendiri. Kursus ini telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Lembaga Bandaran Kudat.



## 2. TAKLIMAT BAZAR RAMADAN

Pada 16 Mac 2023, jam 10:00 pagi pihak Lembaga Bandaran Kudat telah mengadakan Taklimat Bazar Ramadan bagi tahun 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Lembaga Bandaran Kudat dan telah dipengerusikan oleh Puan Jicky Juran. Taklimat ini telah dihadiri oleh semua peniaga yang berdaftar di bawah LBK dan antara penasihat atau penceramah yang telah di jemput khas pada hari taklimat tersebut adalah dari Pejabat Kesihatan Kawasan Kudat dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Cawangan Kudat.



### 3. UPACARA ANGKAT SUMPAH DAN PENYERAHAN WATIKAH

Majlis upacara angkat sumpah dan peyerahan watikah Ahlli-Ahlli Lembaga Bandaran Kudat sesi Januari 2023 sehingaa sesi Januari 2023 ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Menteri Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Negeri Sabah. Majlis ini telah di buat pada 22 Mac 2023 bertempat di Ballroom Marina Resort, Kudat. Upacara ini juga telah dihadiri oleh beberapa Ketua Jabatan dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kakitangan LBK juga turut hadir di dalam menjayakan upacara ini.



## 4. PROGRAM PAMERAN HARI TEMBAKAU SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SABAH

Pameran Hari Tembakau Sedunia ini telah diadakan pada 25 Jun 2023, bertempat di Padang Merdeka Kota Kinabalu, Sabah. Pameran ini telah diketuai oleh Puan Adele Vanessa Wong dari Kementerian Kerajaan Tempatan Perumahan Negeri Sabah dan Ketua projek telah diketuai oleh Puan Jicky Juran yang merupakan salah seorang kakitangan Lembaga Bandaran Kudat (LBK). Selain daripada LBK sendiri, Majlis Daerah Beaufort, Majlis Daerah Sipitang dan Majlis Daerah Beluran merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat di dalam menjayakan pameran ini.



# 5. GOTONG ROYONG YANG DIJALANKAN SEPANJANG JANUARI SEHINGGA JUN 2023

Pihak Lembaga Bandaran Kudat juga telah mengambil inisiatif sendiri agar menjadi ikon kepada orang awam di dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan adalah merupakan tabiat yang baik. Antara kawasan yang telah dibuat gotong royong bagi meningkatkan lagi mutu kebersihan adalah seperti di Gerai Kelapa, Luan Selamat Datang sehingga ke Bandar Kudat, Pejalan kaki menuju ke Marina Resort, Pasar Ikan Kudat, Gelanggang Futsal milik LBK dan Pantai Kelambu.



# 6. MAJLIS SESI SERAH TUGAS DAN LAPOR DIRI PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA BANDARAN KUDAT

Majlis sesi serah tugas dan Laporan diri telah disempurnakan pada 18 Julai 2023 bertempat di Bilik Pegawai Daerah Kudat iaitu En. Rusdi Belun yang juga merupakan Pesuruhjaya Lembaga Bandaran Kudat dan upacara yang sama pada 17 Julai di Majlis Daerah Nabawan.







## 8. LAWATAN TURUN PADANG BERSAMA PEMIMPIN TERTINGGI

Pihak LBK merupakan salah satu Jabatan yang merancang plan pembangunan yang selesa di Daerah Kudat, maka oleh itu, setiap keluhan dari rakyat amat penting bagi menjamin keselesaan Penduduk Kudat sehinggakan LBK mengambil inisiatif sendiri untuk turun padang bersama pemimpin tertinggi Daerah Kudat yang mana beliau merupakan Ahli Parlimen Daerah Kudat. Lawatan ini telah dilakukan pada 18 ogos 2023.



# 9. MAJLIS PELANCARAN MINGGU INTEGRITI KEMENTERIAN (MIK) 2023

Majlis pelancaran MIK ini telah di buat di Dewan Sri Putatan, Putatan Sabah. Akan tetapi ini tidak dapat menghalang bagi Lembaga Bandaran Kudat untuk menyertai majlis pelancaran ini walaupun di dalam keadaan melalui alam maya sahaja . Ini kerana semangat yang tinggi di dalam diri kakitangan Lembaga Bandaran Kudat sekiranya berkaitan dengan integriti. Majlis ini telah di adakan pada 19 september 2023.



# 10. PROGRAM KOMUNITI BERSAMA LEMBAGA BANDARAN KUDAT

Pada 22 September 2023, jam 07:00 pagi pihak Lembaga Bandaran Kudat telah mengadakan satu Program Komuniti Bersama Lembaga Bandaran Kudat dan telah diadakan di Dewan Tertutup Kampung Landung Ayang, Kudat, Sabah. Program ini telah dihadiri oleh beberapa Jabatan dan penduduk kampung sendiri. Semasa program ini juga pihak LBK telah menyediakan lima (5) buah pokok untuk diserahkan kepada penduduk kampung dan akan di tanam di sekitar dewan tersebut. Selain itu juga, pada hari dan tempat yang sama pihak LBK juga telah mengadakan Program Hari Bertemu Pelanggan khas untuk penduduk Kudat, Banyak aktiviti dan hadiah yang menarik semasa program tersebut.



# 11. TAKLIMAT KESELAMATAN BENCANA



## 12. PROGRAM HARI INTEGRITI NASIONAL TAHUN 2023

Sempena Hari Integriti Nasional Tahun 2023 yang telah diadakan pada 16 November 2023 secara di dalam talian dengan bertemakan “Mana janji manismu” pihak LBK telah menjemput semua kakitangan LBK sendiri bagi menambah lagi ilmu berkaitan dengan integriti semasa bertugas. Semasa pada hari tersebut semua kaitangan luar dalam telah menghadiri acara tersebut. Acara ini telah diadakan di dalam Dewan Tun Mustapha, dewan milik LBK.



# 13. PROGRAM ROMBONGAN LAWATAN KERJA MAJLIS DAERAH LAHAD DATU KE KUDAT PADA 07 OKTOBER SEHINGGA 11 OKTOBER 2023



# 14. PELANCARAN KEMPEN HAPUSKAN TIKUS

Pihak LBK telah menyahut cabaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia di dalam menjalankan Kempen Hapuskan Tikus. Kempen ini telah berjaya dilakukan dengan kerjasama pihak Pajabat Kesihatan Kawasan Kudat di dalam menjalankan.

Usaha mengenal pasti masalah pembiakan tikus yang ada di sekitar Medan Star (Panggung). Di dalam usaha ini telah membantu pihak LBK di dalam mengawal pembiakan tikus di kawasan tersebut,





# 15. PROGRAM MALAYSIA URBAN FORUM (MUF) 2023

Program MUF ini telah dihadiri oleh Pegawai Eksekutif sendiri bersama lima (5) Pegawai Kanan dan seorang Pembantu Tadbir Lembaga Bandaran Kudat. Antara pegawai tersebut adalah Cik Joriana Agun, Puan Nurul Asyikin Saudin, Cik Fazidah Alias, Puan Jicky Juran, Puan Mariani Masrani dan Puan Subika Majamun. Program ini telah diadakan pada 04 November sehingga 08 November 2023 bertempat di Kuching, Sarawak.



# 16. PROGRAM ROMBONGAN LAWATAN KERJA MAJLIS DAERAH TAMBUNAN KE KUDAT PADA 24 NOVEMBER SEHINGGA 26 NOVEMBER 2023



# 17. GOTONG ROYONG YANG DIJALANKAN SEPANJANG JULAI SEHINGGA DISEMBER 2023






# Tempat-Tempat Menarik Di Daerah Kudat

Kudat sebagai tempat percutian di Sabah yang terbaik dengan pelbagai keindahan pantai di Sabah dengan mengambil gambar tepi pantai yang cantik ini.

Berikut adalah senarai 17 tempat menarik di Kudat untuk anda bersantai secara bersendirian, berpasangan mahupun secara berkumpulan.

- 
- 
- 





# Industri Gong Kampung Sumangkap

Industri Gong Kampung Sumangkap sememangnya tidak asing lagi dengan pembuatan gong dalam kalangan penduduk setempat.

Ia sesuai dijadikan tempat menarik di Sabah untuk dilawati bagi melihat penghasilan gong tradisional yang terdiri daripada berbagai saiz. Tambahan pula, gong juga dijual di sini sebagai cenderamata tau!





## Tempat menarik untuk backpacker di Kudat Sabah

### Tampat Do Aman

Bagi backpacker di luar sana, mari mengembara sambil menginap di Tampat Do Aman. Lokasi ini amatlah mudah diakses dan tidak jauh dari pantai di Sabah yang terkenal iaitu Pantai Bak-Bak.

Suasana di tempat ini sangat menyamankan serta penginapan daripada kayu yang berkonsepkan jungle camp.


Selain itu, aktiviti mendaki, menyelam, snorkeling dan berkayak juga disediakan oleh pihak pengurusan di sini.




# Homestay rumah panjang di Kudat Sabah

## Maranjak Rungus Longhouse Lodge

Binaan yang hanya menggunakan bambu sebagai dinding dan daun nipah sebagai atap menjadikan homestay rumah panjang ini amat istimewa. Di samping itu, aktiviti menarik yakni memancing di sungai, jungle trekking, melawat taman botani dan menangkap ketam boleh dilakukan di sini. Menariknya di sini, persembahan alat muzik dan tarian tradisi etnik Rungus dipersembahkan pada setiap selepas makan malam.





# Tempat menarik untuk keluarga di Kudat Sabah

## Pantai Tindakon Dazang

Pantai Tindakon Dazang merupakan tempat menarik di sekitar Kudat yang bukan hanya memiliki pantai di Sabah malah penginapan buat seisi keluarga.

Terletak kira-kira 27 km dari pekan Kudat, ia menawarkan aktiviti bergambar tepi pantai yang cantik serta berkayak. Selain itu, uniknya penginapan di sini berkonsepkan rumah panjang etnik Rungus menjadikan ia tempat menarik di Sabah untuk dilawati.





# Aktiviti pantai di Kudat Sabah

## Pantai Kelambu

Pantai Kelambu antara destinasi menarik di Kudat yang sesuai untuk melakukan aktiviti pantai.

Meskipun ia kurang dikenali di mata umum, namun kejernihan pasir putih serta dikelilingi banyak pulau sesuai untuk bergambar tepi pantai yang cantik ini.

Antara aktiviti pantai yang sesuai di sini ialah speed boating, berenang, snorkeling, ski air, berkelah serta mengutip kerang dan siput.



# Pantai cantik di Kudat Sabah

## Pantai Bak-Bak

Sebuah pantai yang terkenal di Sabah iaitu Pantai Bak-Bak semamangnya tidak disangkal lagi kecantikannya. Selain itu, butiran pasir putih yang halus serta kejernihan air laut sehingga ke dasar mampu menambat hati pengunjung ke sini. Selain daripada itu, jika anda mencari tempat penginapan di sini bolehlah menginap di resort 9 Hut On A Hill.





## Chalet di Kudat Sabah

### Tommy Place @ Tip of Borneo

Tommy Place iaitu chalet yang terletak di Tanjung Simpang Mengayau (Tip of Borneo) ini merupakan tempat percutian di Sabah yang best.

Selain itu, ia juga terletak berhampiran dengan pesisir pantai sambil bersantai di restoran yang disediakan.

Dalam pada itu, snorkeling, menyelam dan surfing merupakan aktiviti pantai yang menarik boleh dibuat ketika berada di sini.





# Ladang lebah di Kudat Sabah

## Ladang Madu Lebah Gombizou

Untuk makluman anda, Kampung Gombizou mempunyai pengalaman yang luas dalam industri penternakan iaitu selama 10 tahun.

Begitu juga di Ladang Madu Lebah Gombizou di mana pelancong boleh melihat penternakan lebah serta mendapatkan madu lebah asli di sini.

Selain daripada itu, kawasan ini turut memiliki ladang getah dan pelancong boleh mempelajari teknik penorehan getah gaya tradisional.




# Aktiviti mandi- manda di Kudat Sabah

## Pantai Tanjung Bangau

Sebuah lagi pantai yang cantik dan bersih iaitu di Pasir Tanjung Bangau untuk bersantai.

Di samping itu, ia memiliki muara sungai yang jernih serta mendamaikan. Oleh itu, aktiviti mandi-manda dan berkelah amatlah sesuai dilakukan di sini.





## Hotel di Kudat Sabah

### Dreamland Beach Hotel

Dreamland Beach Hotel yang sesuai dengan namanya merupakan hotel impian anda sebagai tempat percutian menarik di Kudat ini. Terletak di puncak bukit dengan hotel penuh berwarna-warni serta memiliki pantai yang cantik semestinya mengukuhkan lagi daya tarikan pengunjung ke sini. Selain itu, lokasinya di puncak bukit sudah semestinya menyajikan panorama yang cantik menjelang senja





# Tempat pemuliharaan penyu di Kudat Sabah

## Pantai Bavang Jama

Satu-satunya pantai yang terkenal dengan kehadiran penyu di Kudat ialah Pantai Bavang Jama. Ia mempunyai pantai yang panjang dan indah ditambah lagi dengan tempat pemuliharaan penyu. Namun begitu, kehadiran penyu ke pantai ini hanyalah pada waktu-waktu tertentu sahaja.





**SEKIAN ,TERIMA KASIH**

**BERSIH, INDAH DAN SELAMAT DIDIAM**